



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BULETIN

@ PSIKOLOGI

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

BIL 3 TAHUN 2026

PROGRAM SINGGAH MOREH DI RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM & ASNAF PERMATA AL KAUTHAR ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI PAHANG



PAHANG, 3 Mac 2026 - Program Singgah Moreh di Rumah Kebajikan Anak Yatim & Asnaf Permata Al-Kauthar telah dianjurkan oleh AKRAB Mahkamah Negeri Pahang dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Mahkamah Pahang Timur. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan dengan masyarakat serta memupuk nilai keprihatinan dan tanggungjawab sosial. Peserta bertolak secara konvoi dari Petronas Bandar Kuantan Putri dan tiba sekitar jam 11.00 malam sebelum majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan ringkas.

Program diteruskan dengan penyampaian sumbangan barangan dapur dan wang tunai kepada pihak rumah kebajikan. Selain itu, pemberian duit raya kepada anak-anak yatim turut menceriakan suasana. Majlis diakhiri dengan jamuan moreh dan sesi bergambar bersama dalam suasana mesra. Kehadiran warga kehakiman seramai 25 orang menunjukkan sokongan yang baik terhadap program ini.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Inisiatif ini bukan sahaja membantu golongan memerlukan, malah mengukuhkan hubungan antara warga kehakiman dan masyarakat setempat.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM KONGSI REZEKI AGIHAN PAKAIAN TERPAKAI & AGIHAN BUBUR LAMBUK ANJURAN AKRAB MAHKAMAH SARAWAK



KUCHING, 7 MAC 2026 - AKRAB Mahkamah Negeri Sarawak serta Jawatankuasa Surau Mahkamah Kuching telah mengadakan Program Kongsi Rezeki seperti agihan pakaian terpakai dan bubur lambuk. Program ini bertujuan membantu golongan memerlukan serta mengimarahkan bulan Ramadan melalui aktiviti kebajikan dan perkongsian rezeki. Selain itu, ia turut mengeratkan hubungan antara warga mahkamah dan masyarakat setempat.

Program agihan pakaian terpakai merupakan hasil sumbangan yang dikumpulkan sepanjang Februari 2026 dan diagihkan kepada warga mahkamah, orang awam serta rumah kebajikan. Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Program agihan bubur lambuk melibatkan pengedaran kepada warga mahkamah termasuk kakitangan sokongan serta orang awam di sekitar kawasan tersebut, dengan bantuan Polis Trafik bagi memastikan kelancaran.

Secara keseluruhannya, kedua-dua program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban penerima, malah memupuk nilai keprihatinan, semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BAKUL RAMADAN SEMPERNA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1447 HIJRAH /2026 MASIHI ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI PAHANG



PAHANG, 11 MAC 2026 – AKRAB Mahkamah Negeri Pahang telah melaksanakan Program Bakul Ramadan bersempena bulan Ramadan 1447 Hijrah (2026 Masihi) sebagai inisiatif tahunan bagi menyalurkan bantuan keperluan asas kepada penerima. Program ini bertujuan meringankan beban golongan yang memerlukan di samping mengimarahkan bulan Ramadan dengan amalan kebajikan. Selain itu, ia turut menjadi platform untuk mengeratkan hubungan dan menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan warga mahkamah.

Pelaksanaan program ini berjaya mencapai objektifnya, antaranya membantu penerima membuat persiapan Ramadan dengan lebih tenang serta memastikan kebajikan warga yang memerlukan terus terbela. Program ini juga berjaya memupuk nilai keprihatinan dan mengukuhkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan. Bantuan yang disalurkan telah memberikan impak positif serta menerima maklum balas yang memberangsangkan.

Secara keseluruhannya, program ini dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban penerima, malah meningkatkan kesedaran warga mahkamah tentang kepentingan saling membantu dan prihatin. Program seumpama ini wajar diteruskan sebagai agenda tahunan dalam memperkukuh kesejahteraan sosial dan semangat kekeluargaan dalam organisasi.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BEKAL RAMADAN ANJURAN AKRAB MAHKAMAH PULAU PINANG

BUKIT MERTAJAM, 13 MAC 2026 – Akrab Mahkamah Pulau Pinang telah mengadakan Program Bekal Ramadan di Mahkamah Bukit Mertajam anjuran bersama AKRAB dan Kelab Mahkamah Bukit Mertajam telah diadakan pada 13 Mac 2026 bertempat di lobi Mahkamah Bukit Mertajam. Program ini dilaksanakan sebagai usaha menyemarakkan suasana ihya Ramadan di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan mahkamah.

Pelaksanaan program melibatkan aktiviti gotong-royong penyediaan juadah berbuka puasa, iaitu mi goreng dan puding jagung, yang disediakan secara bersama oleh warga mahkamah. Juadah tersebut kemudiannya diagihkan kepada semua warga kerja termasuk polis mahkamah, kakitangan pembersihan dan anggota keselamatan.

Program ini berjaya memupuk semangat kerjasama, kebersamaan dan amalan bersedekah dalam kalangan warga mahkamah. Seramai 50 orang telah terlibat, dan keseluruhan program memberi impak positif dalam memperkukuh hubungan serta menyuburkan nilai murni dalam organisasi.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM KAUNTER PEMBAYARAN AMIL ZAKAT MAHKAMAH TEMERLOH ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI PAHANG

TEMERLOH, 13 MAC 2026 - AKRAB Mahkamah Negeri Pahang telah mengadakan Program Kaunter Pembayaran Amil Zakat bersempena bulan Ramadan 1447 Hijrah sebagai inisiatif AKRAB Mahkamah Negeri Pahang dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan Kehakiman dan Perundangan Pahang Barat. Program ini bertujuan memudahkan pegawai dan kakitangan menunaikan zakat fitrah melalui penyediaan kaunter khas di premis mahkamah. Inisiatif ini juga menyokong usaha meningkatkan kutipan zakat serta memastikan kewajipan ini dapat ditunaikan dengan lebih teratur dan efisien.

Pelaksanaan program ini telah mencapai objektifnya, antaranya meningkatkan kesedaran tentang kewajipan berzakat dalam kalangan warga mahkamah serta memudahkan urusan pembayaran melalui khidmat amil bertauliah. Kaunter zakat yang dikendalikan oleh amil dari Pejabat Agama Islam Daerah Temerloh telah menerima sambutan yang menggalakkan, sekali gus menunjukkan komitmen warga mahkamah dalam menunaikan tanggungjawab tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang isu serta mencapai matlamat yang ditetapkan. Selain memudahkan urusan pembayaran zakat, program ini turut menyemai kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan warga mahkamah. Inisiatif seumpama ini wajar diteruskan sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh amalan kebajikan dan nilai keagamaan.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM INFAK RAMADAN ANJURAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) MAHKAMAH NEGERI TERENGGANU



TERENGGANU, 15 Mac 2026 - AKRAB Mahkamah Negeri Terengganu telah menganjurkan Program Infak Ramadan khas untuk warga Mahkamah Kuala Terengganu. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Azman bin Mustapha, Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan serta menyemai nilai murni dalam kalangan warga kerja Mahkamah Kuala Terengganu, khususnya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Selain itu, AKRAB turut menyediakan tabung sumbangan bagi memberi peluang kepada kakitangan yang ingin menyumbangkan infak secara sukarela dan ikhlas. Inisiatif ini diharapkan dapat menggalakkan warga Mahkamah Kuala Terengganu untuk memperbanyakkan amalan bersedekah, memandangkan sedekah merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam, lebih-lebih lagi ketika 10 hari terakhir Ramadan.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

ACARA KACAU DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK RAMADAN ANJURAN AKRAB MAHKAMAH KEDAH

ALOR STAR, 16 Mac 2026 - AKRAB Mahkamah Kedah dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Mahkamah Negeri Kedah (KESUKMA) telah menganjurkan Program Kacau dan Pengagihan Bubur Lambuk sempena Bulan Ramadan.

Sebanyak 450 pek bubur lambuk telah diagihkan kepada seluruh warga Mahkamah Kedah, termasuk kakitangan sokongan seperti Pekerja Penyelenggaraan, Pengawal Keselamatan Dan Petugas Pembersihan.



Program ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Mahkamah di seluruh Negeri Kedah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Diharapkan usaha ini dapat membawa kegembiraan dan keberkatan kepada seluruh warga Mahkamah Kedah.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM JUALAN RAHMAH ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI (KPDN)

SEREMBAN, 16 MAC - AKRAB Mahkamah Negeri Sembilan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Sembilan telah mengadakan Program Jualan Rahmah bertempat di Kompleks Mahkamah Seremban. Program ini bertujuan meringankan kos sara hidup dengan menyediakan barangan keperluan asas pada harga berpatutan, di samping mengeratkan hubungan antara agensi dan masyarakat.



Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran warga mahkamah dan orang awam. Pelbagai barangan keperluan termasuk barangan kering dan basah dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran, sekali gus membantu orang ramai membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dan menerima maklum balas positif. Inisiatif ini wajar diteruskan kerana memberi manfaat langsung kepada masyarakat serta menyokong kesejahteraan sosial.

BULETIN @ PSIKOLOGI


BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA PROGRAM TADARUS AL-QURAN SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1447 HIJRAH /2026 MASIHI ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI PAHANG

KUANTAN, 17 MAC 2026 - AKRAB Mahkamah Negeri Pahang telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Program Tadarus Al-Quran dengan penyertaan seramai 48 warga Mahkamah Pahang. Program ini merupakan inisiatif julung kali yang signifikan sebagai pengisian kerohanian dan penutup rasmi program AKRAB bagi tahun tersebut. Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti ucapan aluan sebelum diteruskan dengan sesi khatam Al-Quran secara berjemaah.

Majlis disusuli dengan doa khatam, ucapan penutup serta penyampaian sijil penyertaan kepada peserta dan sumbangan saguhati kepada amil zakat. Program ini turut diserikan dengan kehadiran barisan pengurusan tertinggi dan mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran kira-kira 80 warga mahkamah.

Program ini berjaya mencapai objektif dengan meningkatkan penghayatan terhadap Al-Quran serta mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga mahkamah. Penganjuran ini membuktikan komitmen AKRAB dalam memperkasa aspek kerohanian dan wajar diteruskan sebagai program tahunan.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM BAKUL RAMADAN ANJURAN AKRAB MAHKAMAH PULAU PINANG

PULAU PINANG, 17 MAC - AKRAB Mahkamah Pulau Pinang telah menganjurkan Program Bakul Ramdan pada 17 Mac 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat, Aras 2, Bangunan Annex, Kompleks Mahkamah Pulau Pinang. Program anjuran AKRAB ini merupakan inisiatif kebajikan bagi membantu kakitangan mahkamah yang memerlukan dalam membuat persiapan sepanjang bulan Ramadan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh YA Dato' Azizan bin Md Arshad, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang; YBhg. Puan Salha binti Dato' Hamzah, Pengarah Mahkamah Pulau Pinang; Tuan Ahzal Fariz bin Ahmad Khairuddin, Yang Dipertua Kelab Kebajikan dan Sukan Mahkamah Pulau Pinang; pegawai kehakiman; ahli jawatankuasa AKRAB; serta warga mahkamah dan penerima sumbangan.



Program ini bertujuan meringankan beban penerima melalui penyediaan barangan keperluan asas, di samping memupuk amalan bersedekah, semangat prihatin dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam organisasi. Seramai 30 penerima telah menerima sumbangan, dan program ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi impak positif kepada warga Mahkamah Pulau Pinang.